



MAKLUMAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PUTRAJAYA



OPERASI DAN PERKHIDMATAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM) DALAM TEMPOH LANJUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Berdasarkan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 10/04/2020 yang telah memutuskan bahawa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan sehingga 28/04/2020. Selaras dengan perintah tersebut, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah memutuskan bahawa penalti ke atas **pembayaran** yang diterima sebelum 13/05/2020 akan **diremitkan** sepenuhnya yang melibatkan cukai / levi seperti berikut:

1. Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan melalui Penyata SST-02.
2. Cukai Perkhidmatan diimport melalui Borang SST-02A.
3. Cukai Pelancongan melalui Penyata TTx-03.
4. Levi Pelepasan melalui Penyata DL-02.

Keputusan ini khusus untuk tempoh bercukai yang berakhir seperti berikut:-

Tempoh Bercukai	Tempoh Akhir Pembayaran Cukai Sepatutnya	Pembayaran Diterima Sebelum 13/05/2020
29 Feb 2020	31/03/2020	Remisi Penalty Sepenuhnya
31 Mac 2020	30/04/2020	Remisi Penalty Sepenuhnya

Pembayaran melalui medium atas talian (online) atau perkhidmatan pos adalah digalakkan.

Sekian, terima kasih.

###

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
TARIKH: 14 APRIL 2020